

USAHAWAN ERA PANDEMIK COVID-19

**ANTARA KABUS
DAN SINAR**

USAHAWAN ERA PANDEMIK COVID-19

ANTARA KABUS DAN SINAR

Penyusun
Noor Syahidah Sabran

SUARA UMP
Penerbit Universiti Malaysia Pahang
2020



Penerbit

Hakcipta © Universiti Malaysia Pahang, 2020
Cetakan Pertama, Disember 2020

Hakcipta adalah terpelihara
Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

USAHAWAN ERA PANDEMIK COVID-19 : ANTARA KABUS DAN SIRNA

Pengarah : M. Azli
Ketua Editor : M. Azli
Editor : N. Izzati Aisyah
Pembaca Pruf : A. Humaira
Reka Letak & Reka Kulit : Moses
Pentadbiran : A. Azianti & F. W. Riann
Jualan dan Pemasaran : N.H.

Diterbitkan Oleh
SUARA UMP
Penerbit Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang
Kuantan, Pahang Darul Makmur
Tel: 09-549 3273
Faks: 09-549 3218

Share | Like | Tag
Jualan atas Talian: <http://apps-cfm.ump.edu.my/staff/ebooksump/>
<https://mohbeli.com/product-category/books/>

FB Rasmi : SUARA Penerbit Universiti Malaysia Pahang
IG Rasmi : @penerbitump

Urus Cetak
Percetakan Mufakat Jaya Sdn. Bhd. (105038-M)
6, Jalan Perdagangan 16, Taman Universiti Industrial
Park, 81300 Skudai, Johor.
Tel: 07-520 6740
Fax: 07-520 6741

ISI KANDUNGAN

PRAKATA	i
BARISAN PENULIS	iii
Sepintas Lalu Pusat Keusahawanan Universiti <i>Prof. Madya Ts. Dr. Hadi Manap</i>	1
Tadbir Urus Progam Keusahawanan Universiti Malaysia Pahang (UMP) <i>Noor Syahidah Sabran</i>	14
Keusahawanan Sosial dan Peranannya Mendepani Pandemik Covid-19 <i>Dr. Muhammad Ashraf Bin Fauri @ Fauzi</i>	27
Diari Usahawan Jalanan: Pandemik Covid-19: Ujian atau Peluang? <i>Dr. Nor Hanuni Ramli @ Said</i>	35
Kisah 1: <i>Norazlin Ahmad</i>	50
Kisah 2: <i>Siti Athirah Che Rahim</i>	56
Kisah 3: <i>Aslyana Rahman</i>	61
Kisah 4: <i>Nur Farah Syazni Norsazali & Muhammad Raziq Zikry Mohammud @Mahmud</i>	66
BIODATA PENULIS	73

PRAKATA

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnianya maka buku *Usahawan Era Pandemi COVID-19: Antara Kabus dan Sinar* ini telah berjaya disiapkan. Terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada semua staf Pusat Keusahawanan UMP dan usahawan–usahawan pelajar yang begitu gigih dan tabah dalam menyiapkan buku ini. Buku *Usahawan Era Pandemi COVID-19: Antara Kabus dan Sinar* adalah sebuah buku yang menceritakan latar belakang Pusat Keusahawanan UMP, tadbir urus dan perkongsian pengalaman pelajar yang bergelar usahawan yang dilahirkan oleh UMP dalam mendepani era pandemik *Corona Virus Disease – 19 (COVID-19)*.

Ini merupakan siri kedua yang ditulis oleh Pusat Keusahawanan UMP berkisar tentang pengalaman usahawan-usahawan muda. Idea asal untuk menerbitkan buku sebegini lahir apabila menyedari tentang kepentingan untuk mendokumentasikan pengalaman sebagai seorang usahawan serta tip-tip perniagaan yang boleh dikongsi bersama. Dengan penerbitan buku sebegini, akan menjadi titik mula untuk mengenengahkan ikon-ikon usahawan pelajar yang dilahirkan UMP. Kandungan buku ini ditulis sebagai sumber rujukan dan inspirasi kepada semua pelajar UMP yang akan dan yang baru bergelar usahawan.

Semoga dengan terbitnya buku ini, para pelajar yang ingin berjinak dalam bidang keusahawanan akan mendapat suntikan

semangat bagi menceburi bidang yang penuh mencabar ini. Semoga Allah permudahkan segala usaha UMP untuk meningkatkan martabat bidang keusahawanan dan melahirkan lebih ramai usahawan yang berjaya. Hal ini selaras dengan Dasar Keusahawanan Negara 2030, iaitu untuk membudayakan keusahawanan dalam segenap lapisan masyarakat dan untuk merangsang pembangunan keusahawanan bersepadu dan holistik dalam kalangan rakyat Malaysia.

BARISAN PENULIS

Prof. Madya Ts. Dr. Hadi Manap

Dr. Muhammad Ashraf Fauri @ Fauzi

Dr. Noor Hanuni Ramli @ Said

Noor Syahidah Sabran

Norazlin Ahmad

Siti Athirah Che Rahim

Aslyana Rahman

Nur Farah Syazni Norsazali

Muhammad Raziq Zikry Mohammad @ Mahmud

Research and learn

← PERFORMANCE →

FINISH THE PLAN

MUST DO!



MANAGE THE TIME

5.00
4.30
10.20
11.30
12.00

Bab: 1

Inspirasi
Kewirausahaan



FOLLOWING

STEP
BY
STEP

1


CHECK LIST

- PLAN
- Do
- FIN



TAKE DATA To PLAN





DARI TINTA PENGARAH: SEPINTAS LALU PUSAT KEUSAHAWANAN UNIVERSITI

Keusahawanan telah menjadi agenda penting di Institut Pengajian Tinggi (IPT) supaya dapat membentuk aspek penting dalam pembangunan diri pelajar secara holistik. Elemen keusahawanan bukan sahaja perlu diterapkan di luar kelas atau program-program kokurikulum, malahan ia merupakan salah satu kriteria yang perlu dicapai dalam objektif program-program yang ditawarkan.

Menyedari kepentingan keusahawanan dalam kalangan pelajar, UMP telah menubuhkan Pusat Keusahawanan UMP atau dikenali sebagai MyPACE (My Progressive, Adaptive & Creative Entrepreneurship) secara rasmi pada tahun 2010. Pusat ini berperanan dalam memperkasakan agenda keusahawanan universiti dan berfungsi untuk membangunkan dan melaksanakan aktiviti serta menerapkan nilai keusahawanan dan keusahawanan sosial dalam kalangan pelajar dan warga UMP.

MyPACE juga menyediakan pelantar perniagaan, menganjurkan latihan-latihan dan program pembangunan keusahawanan serta menyelia dan mengelola pelajar dalam pertandingan keusahawanan yang dianjurkan. Selain itu, pusat ini turut berfungsi untuk menjalinkan kerjasama strategik bersama pihak - pihak berkepentingan UMP seperti alumni, industri dan